



KENANGAN ... Dr Amran (lima dari kiri) dan Dr Shariff (lima dari kanan) bersama ahli rombongan dari negara China yang melawat UMS-KAL kelmarin.

Pengetua dari China kunjungi UMS-KAL

UB 15/10/2011 B7

LABUAN: Empat pengetua dari negara China telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL), kelmarin.

Mereka merupakan pengetua dan timbalan pengetua dari Sekolah Tinggi Ningxia, Beijing bersama sepuluh ibu bapa dan empat pelajar sekolah berkenaan.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMS, Prof Dr Amran Ahmed berkata, mereka mahu melihat kemudahan pembelajaran dan pengajaran di UMS-KAL untuk dipromosikan kepada anak-anak mereka dari negara berkenaan.

Katanya, kehadiran pengetua dan ibu bapa ingin melihat sendiri keadaan bilik kuliah, makmal, kolej kediaman dan suasana UMS-KAL secara

keseluruhannya.

"Pengetua dan ibu bapa berminat untuk menghantar anak mereka belajar di UMS Kota Kinabalu dan UMS Labuan," katanya ketika menyampaikan taklimat akademik di Bilik Seminar UMS-KAL kelmarin.

Amran berkata, ketika ini terdapat seramai 183 pelajar dari China termasuk 84 pelajar Tahun Satu iaitu 136 pelajar di SPKAL dan selebihnya di SSIL.

Turut hadir Pengarah UMS-KAL, Prof Dr Shariff Abdul Kadir Omang, Pemangku Dekan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), Prof Madya Dr Norazah Mohd Suki dan Penolong Pendaftar Kanan, Bahagian Perkhidmatan Akademik, Roslan Gimba.

Rombongan dari China itu turut melawat SPKAL yang diberi taklimat oleh Norazah manakala Timbalan Dekan,

Suani Sura menyampaikan taklimat mengenai Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL).

Sepanjang lawatan itu, mereka diiringi Penolong Pendaftar, Pusat Hal Ehwal Antarabangsa, Roslianah Opao, Penyelaras Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Soon Chiaw Thai dan Pensyarah SSIL, Nona Masnie Mohd Nista.

Shariff kemudiannya membawa rombongan itu melawat Pejabat Pengarah di Tingkat 13, Bangunan Menara UMS-KAL untuk melihat pemandangan indah Wilayah Persekutuan Labuan.

Mereka kemudiannya bersama Amran melawat kolej kediaman pelajar di Taman Mutiara dan mengelilingi Wilayah Persekutuan Labuan untuk melawat tempat-tempat menarik dan bersejarah.